



SOALAN LAZIM (FAQ)
MENGENAI PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA (NADMA)

PROSES KUARANTIN RAKYAT MALAYSIA DARI LUAR NEGARA

1. Kenapa saya perlu dikuarantinkan?

Kerajaan Malaysia telah memutuskan supaya semua warganegara Malaysia dan rakyat asing yang baru tiba dari luar negara perlu dikuarantinkan bagi mengelak penularan wabak koronavirus (COVID-19) melibatkan kes import di negara ini. Jadi pengasingan selama 14 hari diperlukan bagi memastikan segala simptom/gejala dapat dikawal memandangkan tempoh inkubasi virus ini adalah selama 14 hari.

Proses kuarantin ini adalah **WAJIB**. Setiap warganegara Malaysia dan rakyat asing yang tiba di Malaysia melalui semua pintu masuk hendaklah patuh dengan arahan ini.

2. Dimanakah letaknya stesen kuarantin?

Stesen kuarantin adalah di lokasi seluruh negara seperti yang ditentukan oleh Kerajaan. Lokasi pusat/stesen kuarantin adalah tertakluk kepada keputusan Kerajaan.

3. Bolehkah saya mengetahui di mana saya akan dikuarantinkan?

Stesen kuarantin hanya boleh diketahui setibanya di KLIA/pintu masuk selepas saringan kesihatan dilakukan.

4. Adakah makanan dan keperluan lain disediakan di pusat/stesen kuarantin?

Makanan akan disediakan oleh Kerajaan sebanyak 3 kali sehari (sarapan pagi, makan tengahari dan makan malam).

5. Adakah wifi disediakan di stesen kuarantin?

Kerajaan sebolehnya akan menyediakan wifi di semua stesen kuarantin tertakluk kepada kemudahan fasiliti yang disediakan di stesen kuarantin berkenaan.

6. Adakah waris boleh menghantar keperluan ke stesen kuarantin?

Tidak digalakkan. Hanya dengan kebenaran petugas bagi barang perlu sahaja. Petugas berhak untuk menolak penghantaran tersebut.

Walau bagaimanapun, proses penghantaran adalah tertakluk kepada arahan Perintah Kawalan Pergerakan yang berkuatkuasa.

7. Adakah saya boleh menginap di hotel pilihan sendiri sepanjang tempoh kuarantin?

Tidak. Hanya di stesen kuarantin yang ditetapkan oleh Kerajaan.

8. Bolehkah saya memilih hotel yang disenaraikan dalam Warta Kerajaan mengenai Perisytiharan Stesen Kuarantin yang dikeluarkan pada 4 April 2020 bagi tujuan kuarantin wajib 14 hari?

Tidak boleh kerana kos penginapan adalah ditanggung oleh Kerajaan. Sekiranya individu bersedia dan bersetuju untuk menampung kos lebih dari yang ditanggung oleh Kerajaan, individu boleh memohon untuk ke mana-mana hotel yang disenaraikan atas tanggungan sendiri.

9. Adakah pengangkutan disediakan untuk ke stesen kuarantin?

Ya, pengangkutan dari pintu masuk Negara ke stesen kuarantin akan disediakan oleh Kerajaan.

10. Apakah kos yang ditanggung oleh Kerajaan?

Kos yang ditanggung Kerajaan adalah penginapan dan makanan sebanyak 3 kali sehari sepanjang tempoh kuarantin selama 14 hari.

11. Bagaimana pula dengan kos penggunaan perkhidmatan hotel yang lain seperti dobi (laundry), *in room dining service* dan *transfer call*?

Semua kos terbabit tidak ditanggung oleh Kerajaan.

12. Adakah saya boleh menggunakan fasiliti seperti *gymnasium*, kolam renang dan lain-lain fasiliti yang terdapat di pusat kuarantin/hotel sepanjang tempoh dikuarantinkan?

Tidak boleh. Setiap individu yang dikuarantinkan atau *Person Under Surveillance* (PUS) perlu berada di dalam bilik/hotel masing-masing pada setiap masa.

13. Bolehkah saya keluar dari bilik/hotel sepanjang tempoh kuarantin?

Tidak boleh. Setiap PUS perlu berada di dalam bilik/hotel masing-masing sepanjang tempoh kuarantin. Sebarang pelanggaran perintah kuarantin akan dikenakan tindakan di bawah Seksyen 24 Akta Pencegahan dan Pengawalan

Penyakit Berjangkit 1988, jika sabit kesalahan akan dipenjarakan maksimum 2 tahun.

14. Adakah pekerja-pekerja hotel selamat untuk bekerja?

Selamat kerana prosedur langkah-langkah pencegahan dititik beratkan oleh pihak pengurusan hotel bagi memastikan para pekerja sentiasa berada dalam keadaan selamat.

15. Adakah saya akan disaring semasa berada di hotel?

Ya, semua yang dikuarantinkan akan disaring di hotel masing-masing.

16. Bagaimana proses kuarantin bagi mereka yang transit sahaja di KLIA?

Bermula 3 April 2020, semua penumpang transit di pintu masuk negara ke destinasi lain dalam Semenanjung dan WP Labuan adalah tidak dibenarkan. Penumpang adalah wajib menjalani proses kuarantin selama 14 hari di stesen kuarantin yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Bagi penumpang transit ke Sabah dan Sarawak, mereka dibenarkan meneruskan perjalanan dengan syarat penerbangan berikutnya adalah dalam tempoh 24 jam. Penumpang tidak dibenarkan bermalam di luar daripada terminal penerbangan.

17. Bagaimana dengan mereka yang mempunyai masalah kesihatan dan memerlukan rawatan kesihatan khas dalam tempoh 14 hari kuarantin?

Jika mempunyai masalah/keperluan khas berkaitan kesihatan, mereka perlu merujuk kepada petugas kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia yang bertugas ketika saringan kesihatan dibuat di pintu masuk. Manakala, semasa di pusat kuarantin, mereka juga boleh merujuk kepada petugas kesihatan yang ada.

18. Adakah saya perlu membuat sendiri urusan pembatalan dan penjadualan semula tiket penerbangan?

Ya, PUS perlu melakukan sendiri urusan jadual penerbangan dengan syarikat penerbangan.

19. Berapa lamakah saya perlu berada di stesen kuarantin?

PUS perlu melengkapkan tempoh kuarantin 14 hari di stesen kuarantin yang ditetapkan.

20. Sekiranya keputusan saringan saya didapati negatif, adakah saya dibenarkan untuk daftar keluar (*check-out*) dari pusat kuarantin/hotel?

Walaupun keputusan saringan didapati negatif, PUS perlu kekal berada di pusat kuarantin/hotel masing-masing sehingga tempoh kuaranti 14 hari tamat.

21. Sekiranya lapar di luar waktu jadual makan, apakah yang boleh PUS lakukan?

PUS boleh membuat pesanan bilik (*room service*) dan ditanggung sendiri oleh PUS. Khidmat penghantaran dari luar seperti *Grab Food*, *Food Panda* dan lain-lain adalah tidak dibenarkan.

22. Adakah terdapat pemeriksaan Kesihatan berkala sepanjang tempoh Kuarantin?

Ya. Urusan saringan kesihatan akan diselaraskan oleh petugas perubatan dari Kementerian Kesihatan Malaysia.

23. Sekiranya PUS menunjukkan simpton, siapakah yang patut dihubungi?

PUS boleh menghubungi petugas *front desk* di stesen kuarantin atau petugas APM bagi memaklumkan sebarang isu berkaitan kesihatan untuk tindakan segera oleh petugas Kesihatan.

24. Adakah stesen kuarantin menyediakan perkhidmatan dobi/laundry?

Bagi stesen kuarantin yang menyediakan perkhidmatan dobi//*laundry*, PUS boleh menggunakan perkhidmatan tersebut dengan kos ditanggung sendiri.

25. Apakah *Do's* and *Don't's* ketika di pusat Kuarantin?

- Tidak dibenarkan keluar dari bilik penginapan.
- Tidak dibenarkan merokok.
- Tidak dibenarkan berkumpul.
- Basuh tangan dengan kerap dan amalkan kebersihan optimum.
- Sebarang urusan/pertanyaan hanya melalui saluran yang disediakan seperti telefon/*whatsapp/telegram/sms*.

26. Adakah pelawat dibenarkan?

Tidak.

27. Bolehkah saya membeli barangan dari luar?

Sebarang pesanan luar adalah tertakluk kepada budi bicara petugas stesen kuarantin dengan kos ditanggung sendiri oleh PUS.

28. Selepas 14 hari, adakah saya akan diberikan sijil atau surat khas untuk pulang ke rumah saya?

Ya. Pihak KKM akan mengeluarkan surat atau *release order*.

29. Sekiranya saya mendapatkan COVID-19 test sendiri dan didapati negatif, adakah saya dibenarkan pulang?

Tidak. Ujian kesihatan hanya akan dilaksanakan oleh KKM dan PUS tidak dibenarkan pulang sebelum tamat tempoh 14 hari kuarantin.

Catatan:

1. NADMA beroperasi semasa PKP.

Maklumat Perhubungan Bilik Gerakan NADMA


- **No. Telefon: 03-80642400**
- **No. Fax: 03-80635420**
- **E-mel: covid19operation@nadma.gov.my**

2. Untuk sebarang perkara lain, sila rujuk kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN) di talian hotline - 03-8888 2010.

Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)

6 April 2020

Carta Alir Ketibaan Warganegara Malaysia dari Luar Negara





Guidelines

3 times

Packed food are provided in front of the room

14 days

Quarantine period

24 hours

Surveillance and support are readily available

THE DOs AND DONT's

- Quarantine Station is a non-smoking area
- Do not leave your room. Non-compliance of the quarantine guidelines will be charged under the violation of Section 24 Prevention and Control Infectious Disease (Act 342) can be jailed up to 2 years
- Housekeeping is provided, but please keep clean
- Laundry services are provided by hotel at your own cost
- No visitation allowed
- Any medical related issues and complaints, kindly contact the front desk
- Practise good personal hygiene and wash your hands frequently

Know the symptoms

FLU
&
COUGHING

HIGH
FEVER

TROUBLE
BREATHING

If you contracted any symptoms, please seek immediate medical support



NADMA
MALAYSIA